



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “ KELUARGA BAHAGIA, KELUARGA MALAYSIA ”

26 November 2021 / 21 Rabiul Akhir 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ  
أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(Surah Al-Hujurat 13)<sup>2</sup>

Terjemahannya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>4</sup> حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kehadiran Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan dan keredhaanNya di dunia dan akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan Khutbah bertajuk: “**KELUARGA BAHAGIA, KELUARGA MALAYSIA**”.

Di dalam Islam, permulaan sesebuah keluarga adalah melalui sebuah perkahwinan yang dituntut oleh syariat dan juga merupakan sunnah Rasulullah SAW. Melalui institusi perkahwinan ini akan dapat menjaga nasab keturunan dan seterusnya melahirkan generasi

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



umat manusia selaku khalifah Allah di muka bumi ini.

Ikatan perkahwinan bukan sahaja mewujudkan keberkatan dalam kehidupan malah memberi lebih ketenangan kepada manusia kerana ia adalah fitrah manusia yang memerlukan kepada pasangan hidup.

Adalah menjadi kewajipan seseorang Islam membina keluarga yang bahagia dan bertaqwa kepada Allah SWT berlandaskan ajaran al-Quran dan as-Sunnah bagi memastikan akidah, syariat dan akhlak tidak bercanggah dengan ajaran Islam supaya mendapat keberkatan dan keselamatan kehidupan di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Luqman, ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau sekutukan Allah, sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar.

Berdasarkan kepada ayat ini, kita sebagai pemimpin keluarga dituntut supaya memelihara urusan kehidupan keluarga terutama menjauhi syirik dan perkara-perkara yang bercanggah dengan syariat Islam.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Pada bulan November tahun ini, negara kita sekali lagi menyambut Bulan Keluarga Malaysia yang sebelum ini dikenali Bulan Keluarga Kebangsaan. Sambutan pada tahun ini berkonsepkan Keluarga Malaysia sepertimana yang telah diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri. Konsep Keluarga Malaysia diambil kerana keutuhan negara terikat dengan nilai dan didikan sempurna dalam sesebuah keluarga.

Di samping itu, Keluarga Malaysia sebagai aspirasi jangka masa panjang yang kalis cabaran masa hadapan dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi berlandaskan Keberhasilan Kebahagiaan. Ia selaras dengan pelaksanaan Dasar Keluarga Negara yang bermatlamat membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan teguh berdaya tahan untuk memastikan kestabilan sosial demi kesejahteraan negara.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sambutan Bulan Keluarga Malaysia tahun ini akan memberi fokus kepada pengukuhan lima (5) nilai teras keluarga bahagia berkonsepkan **K.A.S.I.H**, iaitu (**K**asih Sayang, **BerA**khhlak, **S**ihat, **BerI**lmu dan **H**armoni).



**Teras pertama;** Kasih Sayang. Kehidupan berkasih sayang sesama manusia adalah suatu perkara yang dianjurkan dalam Islam. Mewujudkan rasa kasih sayang dalam keluarga akan melahirkan rasa kebahagiaan dan kedamaian sesebuah keluarga. Sabda Rasulullah SAW: “Sekali-kali tidaklah kamu beriman sebelum kamu mengasih”. Kemudian mereka menjawab: “Wahai Rasulullah, semua kami pengasih”. Rasulullah SAW bersabda kembali: “Kasih sayang itu tidak terbatas pada kasih sayang salah seorang di antara kamu kepada sahabatnya (mukmin), tetapi bersifat umum untuk seluruh umat manusia”

(Hadith Riwayat At-Tobarani)

**Teras kedua;** Akhlak. Berakhlak dengan sikap yang mulia adalah dituntut dalam Islam. Berakhlak tidak terbatas sesama manusia sahaja, malah mencakupi semua makhluk Allah termasuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Orang mukmin yang paling sempurna keimanannya adalah ia yang memiliki akhlak terbaik. Yang terbaik di antara kamu adalah yang terbaik akhlaknya kepada pasangannya.”

(Hadith Riwayat At-Tirmizi)

**Teras ketiga;** Sihat dan selamat. Kesihatan diri dan juga keluarga amat dititikberatkan dalam Islam. Perlu diingat maksud kesihatan ini menurut perspektif Islam bukan terhad kepada kesihatan lahiriah atau jasmani sahaja, malahan turut mencakupi kesihatan batin atau rohani. Sepertimana pepatah arab yang masyhur “Akal yang sihat datangnya dari tubuh badan yang sihat.”

**Teras keempat;** Ilmu. Menuntut ilmu adalah perkara yang diwajibkan oleh Allah SWT kepada umat Islam. Dalam konteks ini, negara berharap dapat membina keluarga dan masyarakat yang berilmu, kerana mereka yang berilmu akan dapat membezakan di antara perkara yang haq dan batil serta dapat menjalani kehidupan dengan lebih sempurna berlandaskan syariat Islam. Antara kelebihan yang dijelaskan di dalam al-Quran surah al-Mujadalah ayat 11:

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ...

Bermaksud: Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat..

**Teras kelima;** Harmoni. Islam amat mengambil berat dalam pembentuk keluarga harmoni yang bahagia dan sejahtera. Adalah menjadi tanggungjawab bersama setiap ahli keluarga untuk membina dan membentuk keluarga yang bahagia dan sejahtera.



Islam mengajar umatnya supaya mewujudkan keluarga yang harmoni dalam kehidupan berumahtangga dan bermasyarakat. Amalan hormat menghormati dan bertoleransi perlu dimainkan oleh semua pihak bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan hidup terpelihara. Sikap dan tanggungjawab ini perlu disemai dalam semua peringkat lapisan masyarakat semenjak daripada awal lagi terutama dalam mendidik anak-anak.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Lima nilai **K.A.S.I.H** ini juga bersesuaian di dalam nilai dan ciri Keluarga Malaysia. Konsep Sambutan Bulan Keluarga Malaysia adalah menterjemahkan semangat “Keluarga Malaysia” dengan menyatukan semua warganegara untuk bersama-sama mensejahterakan keluarga dan negara di sebalik kepelbagaian dan cabaran yang ada. Semangat kekeluargaan boleh mengikat kebersamaan semua pihak dengan didikan nilai keluarga seperti hormat menghormati, berkasih sayang, prihatin, bertoleransi dan hidup berharmoni.

Semoga dengan itu, institusi keluarga khususnya dan masyarakat Malaysia amnya berjaya mewujudkan sebuah Keluarga Malaysia yang aman dan harmoni dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang sejahtera dan gemilang serta di berkati Allah SWT.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, antara kesimpulan khutbah yang dapat di ambil:

**Pertama;** Membina keluarga bahagia dengan mematuhi syariat Islam adalah merupakan tuntutan besar di dalam Islam.

**Kedua;** Keluarga bahagia terbina dengan tanggungjawab yang dipenuhi serta perasaan kasih sayang, hormat-menghormati yang dipupuk bersama.

**Ketiga;** Konsep keluarga bahagia perlu diperluaskan kepada semua rakyat Malaysia agar bersatu hati, bersama mengharungi segala cabaran dan ujian demi membina sebuah negara yang maju dan mampan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup>، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْحَكِيمِ الْعَلَّامِ، الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ السَّلَامِ، الْبَاقِي سَرْمَدًا عَلَى الدَّوَامِ،  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا يَنَامُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup>، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>9</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ  
قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبَتَّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ نَسْتُوْدِعُكَ بِلَادَنَا وَأَهْلَهَا، وَنَسْتُوْدِعُكَ أَهْلَهَا وَأَمَانَهَا وَأَنْ تَحْفَظَ أَمْنَهَا، نَسْأَلُكَ أَنْ تَحْفَظَ  
أَرْضَهَا وَسَمَاءَهَا وَلَيْلَهَا وَنَهَارَهَا، إِحْفَظْهَا مِنْ كُلِّ ظَالِمٍ يُرِيدُ الشُّوْءَ بِهَا، وَاحْفَظْ بِلَادَ الْمُسْلِمِينَ  
أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah,** berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Allah,** berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami daripada seksa dan azab api neraka.

**Ya Allah,** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾

# PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 26 NOVEMBER 2021

Assalamualaikum WBT

## Program KPT-CAP Gradpreneur@Perak

Yayasan Perak mewakili Kerajaan Negeri Perak ingin menjemput Para Graduan Anak Perak yang menetap dan bermastautin di Negeri Perak mengambil peluang untuk terlibat dalam program yang ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 200 tempat disediakan kepada peserta yang layak

Batch 1 seramai 50 orang diperlukan dan daftar **sebelum 30 November 2021**

**Tarikh Program** : 8hb Disember 2021 sehingga 18hb Disember 2021

**Lokasi** : Universiti Perguruan Sultan Idris Shah, Tanjung Malim, Perak

Syarat-syarat Kelayakan:

- Berumur antara 18 hingga 59 tahun serta menetap atau bermastautin melebihi 10 tahun di Negeri Perak.
- Pemohon dan pasangan merupakan warganegara Malaysia.
- Graduan Peringkat Sijil, Diploma & Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah tamat pengajian pada tahun 2019, 2020 dan 2021 sahaja.
- Menjalankan perniagaan di dalam Negeri Perak.

**UNTUK MENDAFTAR;**

⇒ <http://bit.ly/PendaftaranJobs-PERAK>

**Maklumat lanjut, boleh hubungi:**

**Dr Sharul Effendy Janudin (UPSI) – 012-2118608**

**Yayasan Perak - 05-2460227**

**PASAK -018-297 4725**